

# Anwar beri bayangan jadi PM tahun depan

Presiden PKR yakin tiada individu lain akan dilantik

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan akan mengambil alih tampuk pentadbiran negara tahun depan.

Presiden PKR itu berkata, peralihan kuasa yang bakal menyaksikan beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka berlaku pada 2020 walaupun tiada tarikh tepat.

“Ada persefahaman ia patut berlaku dalam tempoh itu, tetapi saya tidak mahu terlalu memikirkan bulan berapa secara tepat.

“Sebelum ini memang ada persefahaman beliau (Dr Mahathir) akan meletak jawatan bila tiba waktunya,” katanya dalam temu



Anwar Ibrahim

bual dengan saluran *Bloomberg Television* di sini, semalam.

Anwar ditanya mengenai sama ada peralihan kuasa akan berlaku selepas dua tahun Dr Mahathir memegang jawatan itu.

Ahli Parlimen Port Dickson itu turut menolak dakwaan kononnya Menteri Hal Ewal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali atau Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menjadi

pesaingnya bagi jawatan tertinggi pentadbiran negara itu.

“Saya tidak lihat mana-mana parti mengemukakan atau melobi nama lain (menggantikan Dr Mahathir).

“Hakikat ini tidak akan menghalang sesiapa pun menyimpan hasrat (menjadi Perdana Menteri), namun bagi saya ia tidak relevan.

“Jika ditanya sama ada ia pernah dibincang atau sah berlaku, jawapannya ‘tidak’,” katanya.

Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri ketujuh selepas Pakatan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018 dan beberapa kali menyatakan akan melepaskan jawatan kepada penggantinya apabila tiba masa berbuat demikian tanpa sebarang tarikh khusus.

Persoalan sama ada Anwar, 72, akan mengambil alih teraju pemerintahan kerap mewarnai senario politik Malaysia sejak PH pimpinan Dr Mahathir pada PRU-14.

Konflik yang digembar-gembur tercetus antara Anwar dan Mo-

hamed Azmin memungkinan Dr Mahathir, 94, terus menjadi Perdana Menteri, terutama dalam keadaan PH menangani pelbagai masalah dalaman.

Dr Mahathir beberapa kali menyebut akan berundur selepas kedudukan ekonomi negara stabil yang mungkin mengambil masa antara dua hingga tiga tahun.

Dalam temu bual itu, Anwar turut ditanya mengenai kesan pembakaran hutan di Indonesia yang mengakibatkan jerebu rentas sempadan sehingga memaksa penutupan banyak sekolah di Malaysia.

“Sudah tentu kita berasa marah kerana ini membabitkan ekologi. Ia bukan perkara kecil, sebaliknya menjejaskan jutaan penduduk,” katanya yang mahu Kerajaan Malaysia, Singapura dan Indonesia mengambil tindakan tegas terhadap isu itu.

Beliau turut meminta syarikat bertanggungjawab dalam kebakaran yang mengakibatkan jerebu supaya menanggung sebahagian daripada kos kerugian.